

DISIARKAN SEGERA

21 Oktober 2011

MEDIA RELEASE

Citrex mewujudkan kesedaran tentang kepentingan vitamin dalam kehidupan

Petaling Jaya, 21 Oktober 2011 – Dalam usaha memenuhi keperluan nutrisi asas kanak-kanak terutamanya bagi mereka yang sedang membesar, keperluan vitamin dan mineral merupakan sumber penting yang perlu diutamakan. Sehubungan dengan itu, syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia, Pharmaniaga telah melancarkan satu rangkaian vitamin dan sumber mineral dengan jenama CITREX.

CITREX kini boleh didapati di farmasi-farmasi terkemuka di seluruh negara dan buat permulaan dalam bentuk Vitamin C dan BCO+Lysine untuk kegunaan kanak-kanak.

Pengambilan Vitamin C adalah satu langkah yang perlu diamalkan secara berterusan kerana ia tidak mampu disimpan di dalam badan. Keperluan ini lebih nyata di kalangan kanak-kanak bagi membina ketahanan tubuh badan bagi menentang penyakit. Bersesuaian dengan citarasa kanak-kanak pada masa kini, Vitamin C CITREX telah dihasilkan dengan dua perisa iaitu Oren dan Anggur.

BCO+Lysine pula mampu meningkatkan selera serta kadar metabolisme kanak-kanak yang penting bagi tumbesaran. Selain daripada itu, ia juga membantu dalam proses pembentukan tisu dan mengelakkan masalah kelesuan serta kurang daya tumpuan di kalangan kanak-kanak.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga, Dato' Farshila Emran berkata, "Pharmaniaga sedar akan kepentingan vitamin dan mineral, terutamanya di dalam proses tumbesaran kanak-kanak.

“Realitinya, masih ramai di antara mereka yang gagal mendapat bekalan makanan tambahan ini secara mencukupi. Oleh itu, Pharmaniaga akan berusaha dalam membekalkan produk tersebut bukan sahaja pada harga yang berpatutan, malah mampu memenuhi citarasa kanak-kanak”, katanya.

Bagi menembusi pasaran, CITREX mengadakan kerjasama Supertots, sebuah rancangan televisyen animasi kanak-kanak yang bakal disiarkan di TV3. Rancangan yang diterbitkan oleh sebuah syarikat produksi tempatan, Netcarbon Sdn Bhd, mengisahkan pengembaraan angkasa lepas sekumpulan kanak-kanak kecil yang mempunyai kuasa luar biasa.

Bertemakan “Nutrisi untuk Pengembaraan”, CITREX akan menambahkan lagi bilangan produknya bukan sahaja dalam membekalkan vitamin kepada kanak-kanak, malahan juga kepada golongan dewasa tidak lama lagi..

≤ TAMAT ≥

PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, anak syarikat kepada Kumpulan Syarikat Boustead merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Saham Malaysia. Teras perniagaannya menjuruskan kepada penghasilan ubat-ubatan generic, kajian dan penyelidikan farmaseutikal dan peralatan perubatan, pemasaran dan jualan, pengestoran dan pengagihan bahan-bahan farmaseutikal serta peralatan perubatan dan juga pemasangan alatan perubatan dan hospital.

Dengan visi utama untuk menjadi sebuah syarikat farmaseutikal tempatan yang terulung, Pharmaniaga didorng secara terus oleh falsafah yang ditetapkan iaitu ‘perniagaan secara beretika’ dan mengetengahkan misi utamanya, dalam memperkayakan kehidupan secara bersama-sama, atau “**enriching Life Together**”. Beroperasi di sekitar 38 lokasi di 3 buah Negara termasuk Malaysia, Indonesia dan Vietnam, Pharmaniaga dijangkakan mampu menjadi tonggak utama di dalam industry farmaseutikal tempatan.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Kumpula Pharmaniaga.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Zuhri Iskandar Kamarzaman at 03 3342 9999 ext 434 atau zuhri@pharmaniaga.com